



NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 73  
No. 20

**24hb September 2020**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987  
(Akta 333)

ROAD TRANSPORT ACT 1987  
(Act 333)

**No. 432.**

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

NOTICE UNDER SECTION 70


Pihak Berkuasa Negeri, selaku pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam Negeri Sembilan, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], yang kesannya akan melarang pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan pada atau sebelum 7 Oktober 2020 di Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan, Blok A, Tingkat 2, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kader, 70990 Seremban, Negeri Sembilan.

## JADUAL PERTAMA

(1) Jalan yang baginya Larangan Terpakai	(2) Jalan Arah	(3) Tempoh Larangan
Jalan Warisan Puteri– Pantai (N47) sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.	Kenderaan dari Jalan Sikamat ke Persimpangan Jalan Jelebu melalui Jalan Warisan Puteri– Pantai (N47) dan sebaliknya hendaklah menggunakan jalan alternatif:  (i) Jalan Ujong Pasir 1;  (ii) Jalan Warisan Puteri 1; atau  (iii) Jalan Warisan Puteri 2  sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.	9 Oktober 2020 hingga selesai kerja penggantian jambatan di Seksyen 0.1– Sg. Batang Jerlang, Jalan Warisan Puteri–Pantai (N47).

JADUAL KEDUA



Bertarikh 23 September 2020  
[JKRNS(S).100-5/3/5; PU/NS(G)5/2020]

MOHD AMIN BIN LUDIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*


The State Authority, as the appropriate authority in relation to a road other than the Federal road in Negeri Sembilan, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving of vehicles on the part of the road specified in column (1) of the First Schedule as shown on the map in the Second Schedule, otherwise than on the routes specified in column (2) of the First Schedule, for the period specified in column (3) of the First Schedule.

Objections to the proposal, if any, must be sent in writing to the State Authority via the Director of Public Works Department of Negeri Sembilan on or before 7 October 2020 at the Public Works Department of Negeri Sembilan, Blok A, Tingkat 2, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kader, 70990 Seremban, Negeri Sembilan.

## FIRST SCHEDULE

(1) Road to which Prohibition Applies	(2) Routes	(3) Prohibition Period
Warisan Puteri-Pantai (N47) Road as shown on the map in the Second Schedule.	Vehicles from Sikamat Road to Jelebu Road junction through Jalan Warisan Puteri-Pantai (N47) and vice versa shall use the alternative road:  (i) Ujong Pasir 1 Road;  (ii) Warisan Puteri 1 Road; or  (iii) Warisan Puteri 2 Road	9 October 2020 until the completion of bridge replacement work in Section 0.1-Sg. Batang Jerlang, Warisan Puteri-Pantai Road (N47).
	as shown on the map in the Second Schedule.	

SECOND SCHEDULE



Dated 23 September 2020  
[JKRNS(S).100-5/3/5; PU/NS(G)5/2020]

MOHD AMIN BIN LUDIN  
Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

No. 433.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 66 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 14 Februari 2002, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan bahawa tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan *Warta* No. P.W. 1686 dan P.W. 1687 Pekan Senawang, keluasan 390,900 meter persegi dan 71,870 meter persegi, Daerah Seremban yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud awam iaitu, tapak Kawasan Rekreasi dan menetapkan bahawa Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban hendaklah mempunyai kawalan terhadap rizab tersebut.

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban itu dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan, Bilik Bincang, Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan pada bila-bila masa waktu pejabat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah—Seremban. Pekan—Senawang. No. Pelan *Warta*—P.W. 5724. Keluasan—12,624 meter persegi (Plot A 7476 meter persegi dan Plot C 5148 meter persegi).

Bertarikh 22 September 2020  
[PTS. 370/122/90/01 DUPL;  
PTG.NS 1/7/1/216 Klt. 6;  
PU/NS(SW)11]

MOHD AMIN BIN LUDIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification No. 66 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 14 February 2002, in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority had proclaimed that the land described in the Schedule hereto and delineated upon *Gazette* Plan No. P.W. 1686 and P.W. 1687, Town Senawang, area 390,900 square metres and 71,870 square metres, District of Seremban which is deposited in the Office of Survey and Mapping Negeri Sembilan to be a reserve for public purpose that is a site for Recreation Area and designated that the President of the Municipal Council of Seremban shall have control of the reserve land.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that a part of the aforesaid reservation should be revoked;

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke a part of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan at an enquiry to be held at the Office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Discussion Room, 4th Floor, Block A, Wisma Negeri, Seremban, Negeri Sembilan at any time during office hours within 30 days from the date publication of this notification in the *Gazette*.

#### SCHEDULE

District—Seremban. Village—Senawang. *Gazette* Plan No.—G.P. 5724. Area—12,624 square metres (Plot A 7476 square metres and Plot C 5148 square metres).

Dated 22 September 2020  
[PTS. 370/122/90/01 DUPL;  
PTG.NS 1/7/1/216 Klt. 6;  
PU/NS(SW)11]

MOHD AMIN BIN LUDIN  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA